KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PANDUAN PELAKSANAAN KURIKULUM

PENDIDIKAN ASAS VOKASIONAL(PAV) DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN DAN SEKOLAH KOMPREHENSIF 9 (K9)

TINGKATAN SATU HINGGA TIGA

NOVEMBER 2016

Copyright © 2013 Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8, Blok E9, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Cetakan Pertama 2013
Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 WP Putrajaya

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

KANDUNGAN

1. PENGENALAN **9**
2. MATLAMAT PAV **13**
3. OBJEKTIF PAV **13**

4. STRUKTUR KURIKULUM
4.1Struktur kurikulum PAV Tingkatan 1 - 3 **14**
4.2Struktur kurikulum PAV Tingkatan 1 **18**
4.3Struktur kurikulum PAV Tingkatan 2 - 3 **20**
4.4 Persijilan Kemahiran Malaysia **22**
4.5 Format Dokumen Standard Kurikulum (DSK) **26**
4.6 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) **26**

5. PENTAKSIRAN PAV
5.1 Kerangka Pentaksiran PAV **27**
5.2 Format Pentaksiran Komponen Jati Diri & Teknologi Vokasional **28**
5.3 Format Pentaksiran Komponen Kemahiran Vokasional **29**
5.4 Kaedah Pentaksiran **30**
5.5 Dokumen Pentaksiran Sekolah **31**
5.6 Pengurusan Pentaksiran dan Eviden **31**
5.7 Pelaporan dan Persijilan **32**

6. KAEDAH PEMILIHAN SEKOLAH, GURU DAN MURID
6.1 Kriteria Pemilihan Sekolah PAV **33**
6.2 Kriteria Guru PAV **33**
6.3 Kriteria Pemilihan Murid PAV **34**
6.4 Pengurusan dan Bilangan Murid **35**

7. PERANAN AGENSI BERKAITAN
7.1 Agensi Pusat KPM **36**
7.2 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) **38**
7.3 Sekolah **38**

8. KEWANGAN **40**

9. DOKUMEN PELAKSANAAN KURIKULUM PAV **40**

10. PELAKSANAAN UJI RINTIS TAHUN 2012 DI 15 SMK **40**

LAMPIRAN A - L
PENGHARGAAN

GLOSARI

SKPK (*NOSS*)	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard*)
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAV	Pendidikan Asas Vokasional
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
PC	Penyata Pencapaian
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
DSK	Dokumen Standard Kurikulum
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
KP	Kriteria Pencapaian
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
LP	Lembaga Peperiksaan
RSL	Rancangan Sesi Latihan
RP	Rancangan Pembelajaran
CBTA	*Competency Based Training and Assessment*

PRAKATA

Buku Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Asas Vokasional (PAV) ini disediakan bagi membantu semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pelaksanaan kurikulum PAV di pelbagai peringkat dalam organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan mana-mana pihak berkepentingan dengan pendidikan teknikal dan vokasional.

Tujuan buku panduan ini diterbitkan adalah sebagai panduan dan rujukan pelaksanaan kurikulum PAV. Buku ini menjelaskan konsep, pelaksanaan dan pentaksiran PAV serta peranan pihak agensi pusat KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan masyarakat. Buku ini juga diharap dapat membantu KPM membuat penambahbaikan sepanjang pelaksanaan PAV disemua peringkat terutama pelaksana.

Maklumat di dalam dokumen ini akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa sepanjang pelaksanaan PAV berdasarkan kepada keputusan mesyuarat peringkat KPM. Pengguna dokumen ini adalah dinasihatkan sentiasa mengemaskini maklumat dari sumber yang tepat bagi mengelakkan kekeliruan.

1. PENGENALAN

Dalam sistem pendidikan kebangsaan pada masa ini, elemen Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) diajar sebagai mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR)/Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dengan peruntukan dua waktu seminggu di peringkat sekolah rendah dan Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dengan peruntukan tiga waktu seminggu di peringkat persekolahan menengah rendah. Pada peringkat persekolahan menengah atas pula (Tingkatan 4&5), elemen PTV diajar sebagai mata pelajaran elektif.

Satu program alternatif perlu diadakan bagi memberi peluang pendidikan kepada murid yang cenderung, berbakat dan berminat dalam pendidikan vokasional. Mesyuarat Memperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional pada 25 Julai 2008 telah memutuskan supaya pendidikan vokasional diperkenalkan kepada murid bermula seawal Tingkatan 1. Mesyuarat Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia pada 12 Ogos 2008 telah mengemukakan **Pelan Tindakan Memperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)** dengan cadangan untuk mewujudkan mata pelajaran asas kemahiran seawal peringkat menengah rendah dan dimulakan pelaksanaannya dalam RMK-10. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-195 bertarikh 20 Disember 2010 telah meluluskan Transformasi Pendidikan Vokasional yang mencadangkan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) ditawarkan di Tingkatan 1 hingga 3 bagi menggantikan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang sedang dilaksanakan di Tingkatan 4 dan 5 di sekolah menengah harian. Maka, Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) dilaksanakan mulai pada tahun 2012.

Mesyuarat **Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bil. 4/2011 pada 9 Oktober 2011** telah bersetuju dengan konsep PAV serta memutuskan pelaksanaan rintis penuh PAV dilaksanakan mulai tahun 2012 bagi murid Tingkatan1 di 15 buah sekolah menengah yang dipilih berdasarkan kepada kriteria tertentu. Pada tahun 2013, sebanyak 50 sekolah perluasan telah dipilih oleh KPM untuk melaksanakan PAV secara pelaksanaan penuh. Manakala Format pentaksiran Pendidikan Asas Vokasional telah dibentangkan dan dipersetujui dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bil. 2/12 pada 24 April 2012.**

Mulai tahun 2013, Sekolah Komprehensif 9 (K9) yang menawarkan persekolahan 9 tahun dari Tahun 1 sehingga Tingkatan 3 di sekolah yang sama memberi peluang menawarkan PAV menjadikan pendidikan menengah lebih terbuka kepada murid Orang Asli dari kawasan persekitaran pendalaman bertujuan bagi memastikan semua murid mendapat akses pendidikan disamping mengelakkan keciciran.

Jadual 1 menunjukkan Unjuran Murid Pendidikan Asas Vokasional sehingga tahun 2020

Sekolah/Tahun	**2012**	**2013**	**2014**	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**	**2019**	**2020**
Sekolah Baru	15	53	17	0	0	0	×	×	×
Sedia Ada	0	15	68	85	85	85	×	×	×
Bil. Sekolah	15	68	85	85	85	85	×	×	×

Jadual 1: Unjuran Murid Pendidikan Asas Vokasional

Pelaksanaan rintis pada tahun 2012 di 15 buah sekolah menengah melibatkan 15 bilik darjah dan 450 orang murid (30 orang murid setiap kelas). Pada tahun 2013, sebanyak 50 buah sekolah menengah harian melaksanakan perluasan PAV. Manakala 16 sekolah menengah harian lagi pada tahun 2014.

Laluan pembelajaran murid PAV dalam Transfromasi Pendidikan Vokasional (TPV) adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Laluan pembelajaran murid PAV

Selepas menamatkan PAV di Tingkatan 3, murid berpeluang meningkatkan tahap kemahiran di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) ke peringkat SKM Tahap 3 dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), *AdvancedTechnology Training Centre* (ADTEC), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM), *Construction Industry Development Board* (CIDB) dan lain-lain institut secara perantisan dibawah tanggungjawab KPM. Murid lepasan PAV di akhir Tingkatan 3 juga berpeluang ke program secara perantisan di Kolej Vokasional (KV). Berbekalkan pelaporan deskriptif Pendidikan Asas Vokasional dan SKM, murid boleh meneruskan kerjaya di sektor awam dan swasta. Murid PAV yang bertukar ke sekolah lain yang tidak menawarkan PAV boleh meneruskan pengajian aliran arus perdana.

Murid yang berpotensi memilih bidang kemahiran sebagai pilihan pendidikan dan kerjaya diberi keutamaan dalam pengambilan untuk mengikuti PAV. PAV akan diajar di peringkat menengah rendah bermula dari Tingkatan 1 hingga 3. Murid PAV akan mendapat pelaporan deskriptif Pendidikan Asas Vokasional yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan KPM, berserta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam tempoh 3 tahun tersebut. Murid yang tamat PAV ini diharapkan mendapat sekurang-kurangnya SKM Tahap 1. Murid yang tidak berjaya memperolehi SKM, mereka akan diberikan persijilan modular Penyata Pencapaian (PC) oleh JPK. SKM merupakan persijilan kemahiran tunggal dikeluarkan oleh KSM yang diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Awam dan Agensi Kelayakan Malaysia. Kurikulum SKM dibangunkan berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard – NOSS*) yang ditabdir agensi KSM.

Berikut adalah pelaporan dan persijilan murid PAV yang akan dianugerahkan kepada murid yang berjaya:

TINGKATAN	KOMPONEN	PELAPORAN DESKRITIF LP	PERSIJILAN SKM JPK
TINGKATAN 1	Jati Diri & Teknologi Vokasional	×	×
	Kemahiran Vokasional	×	×
TINGKATAN 2	Jati Diri & Teknologi Vokasional	×	×
	Kemahiran Vokasional	×	√
TINGKATAN 3	Jati Diri & Teknologi Vokasional	√	×
	Kemahiran Vokasional	×	√

Bagi kursus-kursus yang tidak menawarkan SKM Tahap 1 di Tingkatan 2, murid PAV berkenaan akan mengambil SKM Tahap 2 sepanjang tahun berada di Tingkatan 2 hingga 3.

2. MATLAMAT PAV

Matlamat PAV adalah untuk menyediakan peluang kepada murid lepasan UPSR menjadi modal insan berkemahiran bekerja dan bersedia melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

3. OBJEKTIF PAV

Objektif PAV secara umumnya adalah untuk mencegah keciciran murid pada peringkat rendah dan menengah rendah yang disebabkan oleh pelbagai punca. Manakala objektif khusus PAV adalah seperti berikut:

3.1 Menjadi aliran pendidikan pilihan selain aliran perdana sedia ada, sesuai dengan murid berisiko untuk tercicir, serta boleh menimbulkan minat belajar *'hands-on'* yang berterusan.

3.2 Menggilap potensi keupayaan belajar murid melalui kurikulum yang dapat memberikan kemahiran generik asas dan kemahiran spesifik pekerjaan yang dituntut oleh majikan dan industri.

3.3 Menanam kemahiran yang menjadi asas kepada pembentukan sahsiah dan pembangunan karakter yang mantap supaya murid dapat menyediakan diri dengan pengetahuan dan kemahiran pekerjaan.

3.4 Memberi pendedahan dan bimbingan kepada murid untuk menjadikan mereka kritis, kreatif dan inovatif serta boleh membuat keputusan dalam mencorakkan masa depan.

3.5 Menerap dan mengembangkan kompetensi keusahawanan serta menjana budaya niaga.

Hasrat PAV ialah mengekalkan murid di dalam sistem persekolahan di negara ini melalui pendidikan bercorak vokasional. **KPM percaya bahawa semua murid mempunyai potensi yang perlu digilap dan setiap dari mereka mesti diberi peluang menunjukkan kebolehan masing-masing**. **Tahap keyakinan diri murid PAV** juga perlu **ditingkatkan** dengan **memberi mereka lebih banyak peluang bertutur serta berkomunikasi dan mengembangkan bakat yang mereka miliki**.

4. STRUKTUR KURIKULUM

4.1. Struktur kurikulum PAV Tingkatan 1 – 3

Struktur kurikulum PAV sejajar KBSM (2012-2016) adalah seperti pada Jadual 2(a).

BIL.	KOMPONEN	DIMENSI	MODUL	Waktu /Minggu dan Peratus Penumpuan					
				Ting 1	%	Ting 2	%	Ting 3	%
1.	Jati Diri	Komunikasi	Bahasa Melayu Komunikasi	5	11%	3	7%	3	7%
			English For Communication	5	11%	3	7%	3	7%
		Patriotisme	Sejarah	4	9%	2	4%	2	4%
		Sahsiah	Pendidikan Islam / Pendidikan Moral	4	9%	3	7%	3	7%
			Pendidikan Jasmani	2	4%	1	2%	1	2%
			Pendidikan Kesihatan	1	2%	1	2%	1	2%
			Sukan dan Kokurikulum	Mengikut Masa Kokurikulum dan Sukan					
2.	Teknologi Vokasional	Teknologi Vokasional	Teknologi Vokasional (Sains, Matematik dan TMK)	4	9%	2	4%	2	4%
3.	Kemahiran Vokasional	Vokasional Asas & Spesifik	Kemahiran dalam bidang Kej. Elektrik, Kej. Awam, Kej. Mekanikal, Pertanian, Ekonomi Rumah Tangga dan Teknologi Maklumat & Komunikasi	Pra Vokasional		*SKM Tahap 1		*SKM Tahap 2	
				20	45%	30	67%	30	67%
4.	Kemahiran Keusahawanan	Keusahawanan	Merentas Kurikulum						
			Jumlah Waktu Seminggu	45	100	45	100	45	100

*SKM – Sijil Kemahiran Malaysia

Jadual 2 (a): Struktur kurikulum PAV sejajar KBSM (2012-2016)

Struktur kurikulum PAV sejajar KSSM (mulai 2017) seperti pada Jadual 2(b).

BIL.	KOMPONEN	DIMENSI	MODUL	Jam Setahun dan Peratus Penumpuan					
				Ting 1		Ting 2		Ting 3	
				2017 (jam setahun)	%	2017 (jam setahun)	%	2017 (jam setahun)	%
1.	Jati Diri	Komunikasi	Bahasa Melayu Komunikasi	100	11%	60	7%	60	7%
			English For Communication	100	11%	60	7%	60	7%
		Patriotisme	Sejarah	80	9%	40	4%	40	4%
		Sahsiah	Pendidikan Islam / Pendidikan Moral	80	9%	60	7%	60	7%
			Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	60	6%	40	4%	40	4%
			Sukan dan Kokurikulum	(Mengikut waktu Kokurikulum dan Sukan ATAU 70 jam setahun)					
2.	Teknologi Vokasional	Teknologi Vokasional	Teknologi Vokasional (Sains, Matematik dan TMK)	80	9%	40	4%	40	4%
3.	Kemahiran Vokasional	Vokasional Asas & Spesifik	Kemahiran	Pra Vokasional					
				440	45%	640	67%	640	67%
4.	Kemahiran Keusahawanan	Keusahawanan	Merentas Kurikulum						
			Jumlah Jam Setahun	940	100%	940	100%	940	100%

Kurikulum PAV digubal untuk menghasilkan modal insan yang berkemahiran, kritis, kreatif dan inovatif melalui persekitaran pembelajaran berorientasikan pengalaman alam pekerjaan. Empat komponen yang ditekankan adalah Jati Diri, Teknologi Vokasional, Kemahiran Vokasional serta Kemahiran Keusahawanan.

Komponen Jati Diri bertujuan untuk menyediakan murid dengan kemahiran berkomunikasi, menghayati dan mengamalkan ajaran agama, sikap dan nilai murni dalam kehidupan mereka. Komponen ini juga adalah untuk meningkatkan semangat patrotisme serta membantu perkembangan aspek fizikal dan estetika dalam diri murid.

Komponen Teknologi Vokasional pula bertujuan memberi pengukuhan ilmu sains, matematik serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Komponen Kemahiran Vokasional terdiri daripada Kemahiran Vokasional Asas dan Spesifik bertujuan untuk menyediakan murid dengan kemahiran-kemahiran yang berkaitan bidang vokasional.

Melalui Kemahiran Keusahawanan, penekanan diberikan kepada pembentukan sikap dan nilai keusahawan yang diterapkan ke dalam diri murid melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara merentas kurikulum.

4.1.1. Komponen Jati Diri

Komponen Jati Diri terdiri daripada tiga dimensi iaitu Komunikasi, Patriotisme dan Sahsiah. Mata pelajaran bagi dimensi komunikasi ialah Bahasa Malaysia Komunikasi dan *English for Communication*, dimensi patriotisme diterap melalui mata pelajaran Sejarah manakala dimensi sahsiah dipupuk melalui mata pelajaran Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan serta gerak kerja Kokurikulum yang meliputi aktiviti sukan, pasukan beruniform, kelab dan persatuan.

4.1.2. Komponen Teknologi Vokasional

Teknologi Vokasional menggabungkan tiga disiplin pengajian iaitu sains, matematik dan teknologi maklumat dan komunikasi yang mana standard kandungannya digubal mengikut kesesuaian murid PAV iaitu ke arah keperluan pendidikan kemahiran vokasional. Matlamat Teknologi Vokasional adalah untuk mengembangkan potensi murid agar boleh berfikir secara logik, kritis, kreatif dan inovatif terutama ketika mengikuti pembelajaran kemahiran vokasional.

4.1.3. Komponen Kemahiran Vokasional

Komponen Kemahiran Vokasional terdiri daripada dimensi Kemahiran Vokasional Asas dan Spesifik. Kemahiran Vokasional Asas merupakan pendidikan pra-vokasional yang ditawarkan di Tingkatan 1 sahaja. Pra-Vokasional meliputi enam bidang kemahiran dalam bidang

Kej. Elektrik, Kej. Awam, Kej. Mekanikal, Pertanian, Ekonomi Rumah Tangga dan Teknologi Maklumat & Komunikasi. Semua modul Pra-Vokasional bertujuan untuk memberi pendedahan awal teori dan praktikal supaya murid bersedia dari aspek mental dan fizikal sebelum mereka menjurus kepada pengkhususan spesifik pekerjaan mengikut standard dan keperluan industri yang ditawarkan di Tingkatan 2 dan 3.

Kemahiran Vokasional Spesifik pula memberi penekanan kepada tiga aspek penting untuk melahirkan individu yang bersedia memasuki alam pekerjaan, iaitu aspek kemahiran kebolehkerjaan (*employability skills*), kemahiran keusahawanan *(entrepreneurial skills)* dan kemahiran spesifik pekerjaan (*job specific skills*) yang bersifat *hands-on*. Kedua-dua kemahiran kebolehkerjaan dan keusahawanan juga merupakan kemahiran generik (*soft skills*), yang akan diaplikasikan dengan pembelajaran kemahiran spesifik. Tiga peringkat Kemahiran Vokasional yang akan diikuti oleh murid ialah:

Tingkatan 1 - Pra Vokasional
Tingkatan 2 - Kemahiran Tahap 1 (SKM Tahap 1)
Tingkatan 3 – Kemahiran Tahap 2 (SKM Tahap 2)

4.1.4. Komponen Kemahiran Keusahawanan

4.1.4.1. Matlamat Keusahawanan

Penerapan kemahiran keusahawanan merentas kurikulum bertujuan untuk murid mengamalkan sikap keusahawanan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran sehingga menjadi budaya di dalam kehidupan seharian murid PAV.

4.1.4.2. Objektif Keusahawanan

4.1.4.2.1. Mengamalkan sikap keusahawanan iaitu cekal, berinisiatif, kreatif, fleksibel, berhemah, merancang, menyelesaikan masalah, bermotivasi dan futuristik

4.1.4.2.2. Mengamalkan cara pemikiran keusahawanan seperti mengenalpasti peluang, penghasilan idea, penambahbaikan

4.1.4.2.3. Mengamalkan ilmu dan kemahiran pengurusan perniagaan seperti mengurus wang dan jual beli

4.1.4.2.4. Mengaplikasi keusahawanan dalam modulvokasional seperti merekabentuk, menghasil dan mengkomersialkan produk

4.1.4.2.5. Mengamalkan nilai dan etika seperti adil, integriti, tidak menindas dan pilih kasih dan lain-lain yang berkaitan dengan nilai baik.

4.2. Struktur Kurikulum PAV Tingkatan 1

Semasa di Tingkatan 1, murid akan mengikuti 45 peratus komponen kemahiran vokasional dan 55 peratus komponen berasaskan akademik (Jati Diri dan Teknologi Vokasional), manakala di Tingkatan 2 dan 3, komponen Kemahiran Vokasional adalah sebanyak 67 peratus dan 33 peratus bagi komponen berasaskan akademik. Jadual 3 menunjukkan senarai modul dalam komponen Jati Diri dan Teknologi Vokasional beserta peruntukan jam setahun Tingkatan 1.

BIL	KOMPONEN	DIMENSI	MODUL	JAM SETAHUN
1	Jati Diri	Komunikasi	Bahasa Malaysia Komunikasi	100
			English For Communication	100
		Patriotisme	Sejarah	80
		Sahsiah	Pendidikan Islam / Pendidikan Moral	80
			Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	60
			Kokurikulum dan Sukan	Mengikut Masa Kokurikulum dan Sukan ATAU 70 jam
2	Teknologi Vokasional	Teknologi	Teknologi Vokasional (Matematik, Sains dan TMK)	80
3	Kemahiran Vokasional	*Rujuk Jadual 4 dan Jadual 5*		
4	Kemahiran Keusahawanan	Keusahawanan	Merentas kurikulum	

Jadual 3: Senarai modul dalam komponen Jati Diri dan Teknologi Vokasional

Komponen Kemahiran Pra-Vokasional dilaksanakan melalui modul umum dan modul elektif. Enam modul umum yang berasaskan kepada kemahiran bidang Kej. Elektrik, Kej. Awam, Kej. Mekanikal, Pertanian, Ekonomi Rumah Tangga dan Teknologi Maklumat & Komunikasi disediakan sebagai modul *'Taster'* untuk murid merasai dan mendapat pendedahan terhadap semua kursus kemahiran dan kerjaya yang ditawarkan dalam pasaran.

Peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi setiap modul umum dilaksanakan dalam masa 50 jam. Ini bermakna, pada 6 bulan pertama persekolahan, murid akan mengikuti satu persatu modul umum (300 jam). Modul Pengurusan Diri dicadangkan sebagai modul pertama diajar kerana matlamat dan kandungan modul ini adalah untuk memberi kemahiran mengurus diri kepada murid sebagai asas dan motivasi bagi mengikuti pembelajaran seterusnya.

Jadual 4 menunjukkan senarai enam modul umum Pra Vokasional yang wajib dipelajari oleh murid PAV sepanjang enam bulan pertama berada di Tingkatan 1.

BIL.	MODUL UMUM	BILANGAN JAM	MASA
1.	Pengurusan Diri	50	Januari
2.	Asas Multimedia	50	Februari
3.	Kerja Asas Pembinaan	50	Mac
4.	Asas Mekanikal	50	April
5.	Aplikasi Litar Elektrik	50	Mei
6.	Asas Pertanian	50	Jun
	JUMLAH	**300**	

Jadual 4: Modul Umum Pra-Vokasional Tingkatan 1

Seterusnya, murid akan mengikuti modul elektif yang ditawarkan di sekolah masing-masing. Sebuah sekolah hanya menawarkan satu Modul Elektif Pra Vokasional sahaja. **Modul Elektif Pra Vokasional ini diajar sebanyak 140 jam mulai bulan Julai hingga Disember iaitu selepas kompeten kesemua enam Modul Umum Pra Vokasional dipelajari.**

Jadual 5 menunjukkan Modul Elektif Pra-Vokasional bagi enam bulan kedua Tingkatan 1

BIL.	KURSUS	MODUL ELEKTIF (PILIHAN 1 MODUL SAHAJA)	BILANGAN JAM	MASA
1.	Penyediaan Makanan (PMAK)	Penyediaan dan Penyajian Makanan	140	Julai hingga Disember
2.	Membuat Pakaian (MPAK)	Pakaian dan Jahitan	140	
3.	Seni Kecantikan (SK)	Seni Kecantikan	140	
4.	Visual dan Animasi (VDA)	Visual dan Animasi	140	
5.	Pembuatan Perabot (PPER)	Pembuatan Perabot	140	
6.	Dekorasi Dalaman (DEKO)	Pelan Dekoratif	140	
7.	Motosikal (MOTO)	Automotif	140	
8.	Automotif (AUTO)		140	
9.	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (PDPU)	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	140	
10.	Pendawaian Elektrik (PE)	Pendawaian Elektrik	140	
11.	Akuakultur (AKUA)	Akuakultur	140	
12.	Tanaman (TAN)	Tanaman	140	

Jadual 5: Modul Elektif Pra-Vokasional Tingkatan 1

4.3. Struktur Kurikulum PAV Tingkatan 2 dan 3

Struktur Kurikulum PAV Tingkatan 2 dan 3 mengekalkan komponen yang sama, tetapi berbeza dari aspek peruntukan waktu pembelajaran. Waktu PdP bagi Komponen Jati Diri dan Teknologi Vokasional dikurangkan untuk memberi lebih waktu kepada Modul Kemahiran Tahap 1 di Tingkatan 2 dan Modul Kemahiran Tahap 2 di Tingkatan 3.

Waktu PdP bagi modul-modul berkenaan sebanyak 640 jam diperlukan untuk melayakkan murid menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) selepas menamatkan kursus dengan jayanya.

BIL.	KOMPONEN	DIMENSI	MODUL	JAM SETAHUN	
				Ting.2	Ting.3
1	Jati Diri	Komunikasi	Bahasa Malaysia Komunikasi	60	60
			English For Communication	60	60
		Patriotisme	Sejarah	40	40
		Sahsiah	Pendidikan Islam / Pendidikan Moral	60	60
			Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	40	40
			Kokurikulum dan Sukan	Mengikut Masa Kokurikulum dan Sukan ATAU 70 jam	
2	Teknologi Vokasional	Teknologi	Teknologi Vokasional (Sains, Matematik dan TMK)	40	40
3	Kemahiran Vokasional	Vokasional Spesifik	Kemahiran dalam bidang Kej. Elektrik, Kej. Awam, Kej. Mekanikal, Pertanian, Ekonomi Rumah Tangga dan Tek. Maklumat & Komunikasi (NOSS sebagai asas)	*SKM Tahap 1	*SKM Tahap 2
				640	640
4	Kemahiran Keusahawanan	Keusahawanan	Merentas Kurikulum		
Jumlah Jam Setahun				940	940

Jadual 6: Struktur Kurikulum PAV Tingkatan 2 dan 3

4.4. Persijilan Kemahiran Malaysia

4.4.1. Penawaran Kursus

KPM menyediakan 12 kursus kemahiran vokasional di sekolah yang menawarkan PAV. Namun begitu, setiap sekolah PAV hanya menawarkan satu kursus sahaja diperingkat SKM Tahap 1 hingga Tahap 2. Pilihan SKM murid PAV Tingkatan 2 hingga 3 yang ditawarkan di sekolah masing-masing berdasarkan kepada Bengkel MPV sedia ada di tunjukkan seperti **Jadual 7**.

4.4.2. SKM Tahap 1 dan 2

Murid PAV perlu mempelajari semua modul SKM Tahap 1 semasa berada di Tingkatan 2 dan semua modul Tahap 2 di Tingkatan 3. Bagi SKM yang bermula dengan Tahap 2, murid perlu mempelajari semua modul SKM Tahap 2 semasa berada di Tingkatan 2 dan 3. Sekiranya murid PAV tidak berjaya menamatkan modul SKM Tahap 1 semasa berada di Tingkatan 2, murid dibenarkan meneruskan SKM Tahap 1 di Tingkatan 3. JPK mensyaratkan, murid perlu menyelesaikan semua modul Tahap 1 sebelum dibenarkan meneruskan ke persijilan Tahap 2.

Jadual 7 menunjukkan senarai kursus pilihan yang ditawarkan kepada murid PAV.

Bil.	**Kursus/ Nama DSK Ting. 2 & 3**	**Tingkatan 1**		**Tingkatan 2**	**Tingkatan 3**	**Bengkel MPV**
		Pra Vokasional		**Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)**		
		Modul Umum	**Modul Elektif**			
1.	Penyediaan Makanan (PMAK)	1. Pengurusan Diri 2. Asas Multimedia 3. Kerja Asas Pembinaan 4. Asas Mekanikal 5. Aplikasi Litar Elektrik 6. Asas Pertanian	Penyediaan dan Penyajian Makanan	HT-012-2:2012 Penyediaan dan Pembuatan Makanan	HT-012-2:2012 Penyediaan dan Pembuatan Makanan	Katering dan Penyajian
2.	Membuat Pakaian (MPAK)		Pakaian dan Jahitan	TA-011-1:2012 Pembuatan Pakaian Wanita	TA-011-2:2012 Pembuatan Pakaian Wanita	Rekaan dan Jahitan Pakaian
3.	Seni Kecantikan (SK)		Seni Kecantikan	MP-060-2:2013 Perkhidmatan Estetik	MP-060-2:2013 Perkhidmatan Estetik	Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut
4.	Visual dan Animasi (VDA)		Visual dan Animasi	IT-050-2 Artis Multimedia – Visual	IT-040-2 Artis Multimedia – Animator	Produksi Multimedia Grafik Berkomputer
5.	Pembuatan Perabot (PPER)		Pembuatan Perabot	RB-050-2:2012 Operasi Pembuatan Perabot	RB-050-2:2012 Operasi Pembuatan Perabot	Membuat Perabot
6.	Dekorasi Dalaman (DEKO)		Pelan Dekoratif	ID-040-1 Pelukis Rekaan Dalaman Rendah	ID-040-2 Pelukis Rekaan Dalaman	Hiasan Dalaman Asas
7.	Automotif (AUTO)		Automotif	P-119-1 Juruteknik Automotif	TP-300-2:2013 Automotif-Servis Selepas Jualan	Menservis Automobil
8.	Motosikal (MOTO)			TP-118-1:2012 Servis & Penyelenggaraan Motosikal	TP-118-2:2012 Servis & Penyelenggaraan Motosikal	Menservis Motosikal

Bil.	Kursus/ Nama DSK Ting. 2 & 3	Tingkatan 1		Tingkatan 2	Tingkatan 3	Bengkel MPV
		Pra Vokasional		Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)		
		Modul Umum	Modul Elektif			
9.	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (PDPU)		Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	ME-020-2:2012 Peralatan Penyamanan Udara HVAC -Satu Fasa	ME-020-2:2012 Peralatan Penyamanan Udara HVAC - Satu Fasa	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara
10.	Pendawaian Elektrik (PE)		Pendawaian Elektrik	EE-320-2:2012 Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa	EE-320-2:2012 Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa	Pendawaian Domestik
11.	Akuakultur (AKUA)		Akuakultur	AF-031-1 Operator Akuakultur	AF-033-2 Juruteknik Akuakultur (Hatceri)	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi
12.	Tanaman (TAN)		Tanaman	AF-010-1 Pekerja Am Tanaman	AF-010-2 Juruteknik Tanaman	Tanaman Makanan Landskap dan Nurseri

Jadual 7: Pilihan SKM Murid PAV Tingkatan 2 hingga 3

Maklumat lanjut berkaitan Persijilan Kemahiran Malaysia dan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK – NOSS) boleh dirujuk kepada buku Daftar Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diterbitkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dari semasa ke semasa dengan memuat turun dari laman sesawang jabatan berkenaan. Kajian kesesuaian telah dilaksanakan oleh BPK bagi mengenalpasti peratus persamaan kandungan HSP MPV berbanding *duty* dan *task* NOSS PAV pada tahun 2011 dan dapatan kajian adalah seperti pada **Lampiran A.** Tujuan kajian adalah bagi menentukan kesesuaian bengkel dan peralatan MPV sedia ada seterusnya menganalisis keperluan bengkel dan peralatan PAV. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peratus persamaan yang tinggi antara kandungan mata pelajaran MPV berbanding NOSS dan majoriti

adalah sebaliknya. Ini bermaksud, semua bengkel MPV sedia ada perlu dibekalkan lebih 50% peralatan baru dan bangunan tambahan bagi memenuhi keperluan kurikulum PAV kerana kurikulum PAV dibangunkan berasaskan kompetensi NOSS.

Format Dokumen Standard Kurikulum (DSK)

Kurikulum PAV menggunakan format DSK (sebelum ini dikenali Huraian Sukatan Pelajaran – HSP). DSK mengandungi Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Kriteria Pencapaian (KP). Definisi SK, SP dan KP adalah seperti berikut:

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	KRITERIA PENCAPAIAN
Standard Kandungan merupakan penyataan spesifik tentang perkara yang murid **patut ketahui** dan **boleh lakukan** dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai**. Standard Kandungan perlu mengandungi kompetensi standard industri.** Pencapaian pula bermaksud penyataan ringkas mengenai **pencapaian** *(performance*) yang diperlukan dalam unit. Setiap unit kompetensi adalah unik, selari dan sejajar dengan mata pelajaran atau pakej latihan dan tidak melebihi 100 aksara	Standard Pembelajaran ialah satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yangboleh diukur bagi setiap standard kandungan. **Standard Pembelajaran perlu mengandungi Pencapaian dan Syarat.** Secara khusus, **pencapaian dan syarat** *(performance and condition*) bermaksud sub-kompetensi yang lengkap dipelajari danunit-unit kecil yang terkandung dalam sesuatu modul. Elemen mesti berbentuk perlakuan yang boleh diukur dan dicerap. Standard Pembelajaran juga merupakan set sub-kompetensi yang perlu dipelajari oleh murid bagi mencapai Standard Kandungan.	Kriteria pencapaian adalah kenyataan yang mengkhususkan apa yang perlu ditaksir dan tahap pencapaian yang diperlukan. **Kriteria Pencapaian perlu ditulis dengan mengandungi Pencapaian, Syarat dan Piawai.** Manakala **pencapaian, syarat dan piawai** *(performance, condition and standard*) merupakan pelengkap kepada sub-kompetensi yang mesti merujuk kepada standard yang bersesuaian dengan keperluan Standard Pembelajaran dan Standard Kandungan. Kriteria Pencapaian juga merupakan set sub-kompetensi minima yang perlu dicapai oleh murid bagi mencapai Standard Pembelajaran dan Standard Kandungan.

Perincian dan maklumat lanjut berkaitan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Kriteria Pencapaian boleh merujuk kepada format DSK sebenar. Secara amnya, Kriteria Pencapaian penting dilaksanakan oleh murid bagi membuktikan bahawa mereka telah

kompeten Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Contoh DSK PAV adalah seperti di **Lampiran F**. Contoh Modul Pembelajaran PAV adalah seperti di **Lampiran G.**

4.5. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Kurikulum PAV menawarkan pendekatan pedagogi berkonsep guru sebagai fasilitator iaitu "**kurang mengajar" (*teach less*), dan murid "belajar lebih" (*learn more*)** melalui pembelajaran secara pengalaman dan pengalamian (*hands on*). Kurikulum PAV adalah menggunakan konsep ***Competency-Based-Training and Assessment (CBTA)*** yang **membenarkan murid mengulang semula kompetensi yang belum dicapai sehingga murid PAV kompeten sesuatu kemahiran yang di perlukan oleh Kriteria Pencapaian**. Maklumat berkaitan CBTA adalah seperti di **Lampiran H.**

Proses pengajaran dan pembelajaran adalah berpusatkan murid untuk menggalakkan pembelajaran, mengekalkan minat dan menimbulkan kesedaran murid supaya terus maju dengan menggunakan pendekatan holistik seperti berikut:

Pendekatan modular berasaskan kompetensi
Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, tugasan dan aktiviti
Pendekatan pembelajaran melalui penghasilan produk
Pembelajaran autentik (kontekstual dan konstruktif)
Pembelajaran kolaboratif dan koperatif
Pembelajaran Masteri
Integrasi TMK merentas kurikulum
Integrasi keusahawanan merentas kurikulum
Lawatan industri
Penekanan kepada pengurusan kewangan berhemah

4.6. Penulisan Rancangan Pengajaran Tahunan dan Rancangan Pengajaran Harian

Format penulisan rancangan pengajaran tahunan dan rancangan pengajaran harian bagi guru PAV perlu disesuaikan dengan kaedah CBTA. Sebagai permulaan kepada CBTA, Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) digantikan dengan Rancangan Sesi Latihan (RSL) dan Rancangan Pengajaran Harian digantikan Rancangan Pembelajaran (RP). Guru PAV boleh memperolehi format RSL dan RP semasa menghadiri kursus berkaitan kurikulum dari semasa ke semasa. Panduan penulisan RSL dan RP adalah seperti di **Lampiran I.**

5. PENTAKSIRAN PAV

5.1. Kerangka Pentaksiran PAV

Jadual 8 menunjukkan kerangka pentaksiran PAV yang merangkumi peringkat persekolahan, komponen pentaksiran, kaedah pentaksiran, wajaran, pelaporan dan pensijilan.

PERINGKAT	KOMPONEN PENTAKSIRAN	KAEDAH PENTAKSIRAN	WAJARAN	PELAPORAN & PENSIJILAN
Tingkatan 1	Jati Diri & Teknologi Vokasional	Pentaksiran Sekolah (PS)	100 %	Tiada
	Kemahiran Vokasional	Pentaksiran Sekolah (PS)	100 %	
	Kokurikulum	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)	100 %	
	Minat, Bakat & Kecenderungan	Pentaksiran Psikometrik (Ppsi)	100 %	
Tingkatan 2	Jati Diri & Teknologi Vokasional	Pentaksiran Sekolah (PS)	100 %	SKM 1
	Kemahiran Vokasional	Pentaksiran Berterusan	100 %	
	Kokurikulum	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)	100 %	
Tingkatan 3	Jati Diri & Teknologi Vokasional	Pentaksiran Pusat (PP)	100 %	Pelaporan Deskriptif dan SKM 2
	Kemahiran Vokasional	Pentaksiran Berterusan dan Penilaian Akhir	100 %	
	Kokurikulum	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)	100 %	

Jadual 8: Kerangka Pentaksiran PAV

5.2. Format Pentaksiran Komponen Jati Diri & Teknologi Vokasional

Jadual 9 menunjukkan Format Pentaksiran Komponen Jati Diri & Teknologi Vokasional

BIL.	PERKARA	AKHIR TAHUN TINGKATAN 3	SECARA BERKALA TINGKATAN 1 - 3
1.	**Kaedah Pentaksiran**	Pentaksiran Pusat	Pentaksiran Sekolah
2.	**Jenis Instrumen**	Ujian Objektif Ujian Subjektif	Ujian Lisan Ujian Amali Ujian Bertulis Senarai Semak Lembaran Kerja Port Folio Projek
3.	**Konstruk Yang Ditaksir**	Pengetahuan dan Kefahaman Kemahiran	Pengetahuan dan Kefahaman Kemahiran Nilai
4.	**Tempoh Ujian**	1 jam – 1 jam 30 minit	(Berdasarkan tugasan)
5.	**Cakupan Konteks**	Mencakupi bidang pembelajaran bagi Ting. 1, Ting. 2 dan Ting. 3	Mencakupi bidang pembelajaran bagi setiap tingkatan
6.	**Penskoran**	Analitikal Holistik (Dalam bentuk markah)	Holistik Berdasarkan kriteria penskoran (Dalam bentuk markah)
7.	**Pelaporan**	Pemberian gred dan secara deskriptif untuk memberikan maklumat tentang prestasi murid	Pemberian gred dan secara deskriptif untuk memberikan maklumat tentang prestasi murid disediakan oleh pihak sekolah
8.	**Sistem Sokongan Yang Diperlukan**	Sistem aplikasi untuk pelaporan deskriptif	Sistem aplikasi untuk pelaporan deskriptif disediakan oleh pihak sekolah

Jadual 9: Format Pentaksiran Komponen Jati Diri & Teknologi Vokasional

5.3. Format Pentaksiran Komponen Kemahiran Vokasional

Jadual 10 menunjukkan Format Pentaksiran Komponen Kemahiran Vokasional

BIL.	PERKARA	TINGKATAN 1	
		MODUL UMUM	MODUL ELEKTF
1.	**Kaedah Pentaksiran**	Pentaksiran Sekolah	Pentaksiran Sekolah
2.	**Tempoh Pentaksiran**	Februari hingga Jun	Julai hingga November
3.	**Konstruk Yang Ditaksir**	Pengetahuan 30% Kemahiran 60% Nilai 10%	Pengetahuan 20% Kemahiran 70% Nilai 10%
4.	**Operasi Pentaksiran**	Murid ditaksir semasa P&P	Murid ditaksir semasa P&P
5.	**Instrumen Pentaksiran**	Senarai Semak Lembaran Kerja Kuiz Ujian Secara Lisan Ujian Bertulis Amali	Senarai Semak Lembaran Kerja Kuiz Ujian Secara Lisan Ujian Bertulis Amali
6.	**Penskoran**	Skor dalam bentuk markah	Skor dalam bentuk markah
7.	**Bilangan Soalan**	Mengikut modul dan konteks yang ditaksir dalam mata pelajaran	Mengikut modul dan konteks yang ditaksir dalam mata pelajaran
8.	**Cakupan Konteks**	Mencakupi kandungan dalam Dokumen Standard Kurikulum (DSK) Modul Umum PAV	Mencakupi kandungan dalam Dokumen Standard Kurikulum (DSK) Modul Elektif PAV
9.	**Pelaporan**	Pelaporan deskriptif disediakan oleh pihak sekolah untuk memberikan maklumat tentang prestasi murid	Pelaporan deskriptif disediakan oleh pihak sekolah untuk memberikan maklumat tentang prestasi murid
10.	**Sistem Sokongan Yang Diperlukan**	Sistem aplikasi untuk pelaporan deskriptif disediakan oleh pihak sekolah	

Jadual 10: Format Pentaksiran Komponen Kemahiran Vokasional

5.4. Kaedah Pentaksiran

Pelaksanaan PAV bermatlamatkan pembentukan modal insan yang boleh bekerja dan berkelayakan serta diiktiraf memiliki kemahiran kebolehkerjaan, kemahiran teknik, kemahiran keusahawanan, jati diri dan sahsiah. Oleh yang demikian, pentaksiran sekolah merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diaplikasikan dalam pentaksiran PAV. Pentaksiran PAV menggunakan empat kaedah iaitu:

5.4.1. Pentaksiran Sekolah (PS) Tingkatan 1 hingga 3 - Sepanjang Tahun

Pentaksiran yang dirancang, dibina, diperiksa, direkod dan dilapor oleh guru merujuk garis panduan, kurikulum dan standard prestasi akademik/standard komponen vokasional. Berikut keterangan lanjut berkaitan Pentaksiran Sekolah:

PENTAKSIRAN SEKOLAH		
	Jati Diri & Teknologi Vokasional	Kemahiran Vokasional
Masa	Sepanjang tahun	Sepanjang tahun
Konstruk	Pengetahuan Kemahiran Nilai	Pengetahuan Kemahiran Nilai
Jenis Pentaksiran (mengikut bidang)	**Contoh :** Secara lisan Kuiz Folio/Skrap Amali Pemerhatian Ujian Bertulis	**Contoh :** Secara lisan Kuiz Folio/Skrap Amali Pemerhatian Ujian Bertulis
Wajaran	**100 %**	**100 %**

5.4.2. Pentaksiran Pusat (PP) Tingkatan 3 – Oktober

Pentaksiran yang ditadbir, diperiksa, direkod dan dilapor di peringkat sekolah oleh guru berdasarkan tugasan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut mata pelajaran. PP bagi Komponen Jati Diri dan Teknologi Vokasional dalam bentuk berikut:

UJIAN BERTULIS	**UJIAN LISAN**	**UJIAN AMALI**
BMK, EFC, Pendidikan Islam/P.Moral, Sejarah	BMK, EFC	Pendidikan Islam, Sains dan TMK
Wajaran: 100 %		

5.4.3. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)

Pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah yang ditadbir, direkod dan dilaporkan melalui penyertaan, penglibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti jasmani dan kesihatan, sukan dan permainan, aktiviti kokurikulum dan aktiviti ekstrakurikulum.

5.4.4. Pentaksiran Psikometrik (Ppsi)

Pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah untuk mengukur kebolehan (*innate ability*) dan pengalaman (*acquired ability*), kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, minat, kecenderungan, sikap dan personaliti murid. Pentaksiran ini tidak berasaskan kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran.

5.5. Dokumen Pentaksiran Sekolah Komponen Kemahiran Vokasional Tingkatan 1

Pentaksiran Sekolah (PS) dilaksanakan untuk mentaksir Komponen Kemahiran Vokasional di Tingkatan 1 dengan menggunakan 2 dokumen:

5.5.1. Dokumen Pentaksiran Standard Kompetensi (DPSK)

DPSK dibangunkan berdasarkan DSK dengan kepelbagaian instrumen pentaksiran. DPSK mengandungi Standard Kompetensi, Penyataan Standard Kompetensi, Eviden Kompetensi dan Skor.

5.5.2. Dokumen Item Contoh Pentaksiran Standard Kompetensi (DICPSK)

DICPSK dibangunkan bersama DPSK sebagai panduan untuk membantu guru menjalankan pentaksiran dalam bentuk instrumen seperti lisan, bertulis, lembaran kerja dan senarai semak.

5.6. Pengurusan Pentaksiran dan Eviden

5.6.1. Fail Pengurusan Pentaksiran

Fail Pengurusan Pentaksiran hendaklah dikemas kini, disimpan dan disemak oleh pihak yang diberi kuasa memeriksa. Fail hendaklah disimpan dengan selamat dan sentiasa mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.

5.6.2. Eviden

Eviden merupakan bukti kepada pelaksanaan pentaksiran. Eviden hendaklah ditunjukkan kepada pihak yang diberi kuasa dan disimpan di tempat yang selamat selama diperlukan untuk tujuan pembuktian.

5.7. Pelaporan dan Persijilan

5.7.1. Pelaporan Deskriptif Tingkatan 3 - Modul Jati Diri dan Teknologi Vokasional

Pelaporan deskriptif bagi Pentaksiran Pusat untuk Modul Jati Diri dan Teknologi Vokasional melaporkan pencapaian murid di akhir penggal berdasarkan kepada gred berikut:

GRED	PENERANGAN
A	Murid telah mencapai tahap penguasaan cemerlang dalam Modul Jati Diri dan Teknologi Vokasional dan berupaya menggunakan pengetahuannya dengan kreatif dan inovatif.
B	Murid telah mencapai tahap penguasaan kepujian dalam Modul Jati Diri dan Teknologi Vokasional dan berupaya menggunakan pengetahuannya dengan sistematik dan inovatif.
C	Murid telah mencapai tahap penguasaan lulus dalam Modul Jati Diri dan Teknologi Vokasional dan dapat menggunakan pengetahuan mengikut prosedur dan berupaya menggunakan pengetahuan mengikut prosedur.
D	Murid perlu dibimbing untuk mendapatkan penguasaan minimum Modul Jati Diri dan Teknologi Vokasional.

6. KAEDAH PEMILIHAN SEKOLAH, GURU DAN MURID

6.1. Kriteria Pemilihan Sekolah PAV

6.1.1. Mempunyai kemudahan prasarana Mata Pelajaran Vokasional (MPV).

6.1.2. Mempunyai peralatan dann bengkel yang hampir menyamai keperluan pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia.

6.1.3. Agihan penawaran PAV di negeri-negeri melibatkan semua PPD.

6.1.4. Sekolah yang dipilih mestilah mempunyai *feeder-school* yang sesuai.

6.1.5. Penawaran kursus PAV perlu pelbagai di setiap negeri.

6.1.6. Terdapat industri sokongan di kawasan sekitar dan kursus PAV bersesuaian dengan Wilayah Pembangunan Ekonomi.

6.1.7. Sekolah Rancangan Khas, Sekolah Sukan, Sekolah Seni tidak boleh menawarkan PAV.

6.1.8. Keutamaan pemilihan diberikan kepada sekolah satu sesi.

6.1.9. Mempunyai guru opsyen MPV yang bersesuaian dengan PAV.

6.2. Kriteria Guru PAV

6.2.1. Guru PAV perlu mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bidang yang diajar dan memiliki opsyen yang berkaitan. Guru bukan opsyen perlu diberi latihan intensif khususnya berkaitan pengetahuan dan kemahiran vokasional.

6.2.2. Guru perlu komited dan kreatif dalam memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh menarik minat murid untuk hadir ke sekolah.

6.2.3. Norma guru setiap satu kelas PAV adalah seperti berikut:

6.2.3.1. Norma guru mata pelajaran bidang bahasa, sains dan matematik, kemanusiaan adalah berdasarkan norma guru semasa yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

KELAS	Waktu/Minggu (a)	Waktu Guru Mengajar/Minggu (b)	Norma Baharu (a) (b)
Ting. 1	25	26	0.96
Ting. 2	15	26	0.57
Ting. 3	15	26	0.57
NORMA Guru Jati Diri + Teknologi Vokasional (Ting. 1-3)			**2.11 @ 2 guru**

6.2.3.2. Norma guru mata pelajaran vokasional adalah berdasarkan norma guru vokasional semasa yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

Waktu/ Minggu	**Ting. 1 (Pra)**	**Ting. 2 (SKM 1)**		**Ting. 3 (SKM 2)**	
	20	30		30	
Agihan waktu PdP	20	**Teori (30%)**	**Amali (70%)**	**Teori (30%)**	**Amali (70%)**
		9	21	9	21
Nisbah guru dalam kelas	1	1	2	1	2
Jumlah waktu PdP	**20**	9	42	9	42
		51		**51**	

KELAS	**Waktu/Minggu (a)**	**Waktu Guru Mengajar/Minggu (b)**	**Norma Baharu (a) (b)**
Ting. 1	20	26	0.77
Ting. 2	51	26	1.96
Ting. 3	51	26	1.96
NORMA Kemahiran Vokasional (Ting. 1-3)			**4.69 @ 5 guru**

6.3. Kriteria Pemilihan Murid PAV

Pemilihan murid PAV berdasarkan empat kriteria yang ditetapkan iaitu:

6.3.1. Pencapaian UPSR; Murid yang dipilih memperoleh pencapaian rendah dalam UPSR. Keutamaan diberikan kepada murid berpotensi memilih bidang kemahiran sebagai pilihan pendidikan. Murid Masalah Pembelajaran (*Learning Disability*) **tidak digalakkan** memilih PAV.

6.3.2. Proses kaunseling; Murid PAV diberi bimbingan oleh kaunselor mengenai halatuju pembelajaran PAV khususnya pemilihan mata pelajaran pra-vokasional dan persijilan kemahiran pada peringkat awal penawaran.

6.3.3. Persetujuan ibu bapa/penjaga; Pentadbir sekolah mengadakan sesi taklimat bagi mendapat persetujuan ibubapa/penjaga manakala beberapa aspek perlu diambilkira dalam memberi panduan tentang potensi anak mereka dan kesesuaian dalam bidang yang dipilih.

6.3.4. Pentaksiran psikometrik. Pentaksiran psikometrik dilaksanakan bagi tujuan saringan serta mengenalpasti kecenderungan, minat, bakat, cara pembelajaran, aptitud dan kebolehan literasi numerasi.

Murid berpencapaian rendah UPSR boleh dipertimbangkan dan diberi lebih peluang untuk menjadikan PAV sebagai pilihan utama pendidikan mereka. Matlamat utama PAV adalah untuk mengekalkan murid di dalam sistem persekolahan dan membantu murid yang tidak berjaya UPSR.

6.4. Pengurusan dan Bilangan Murid

Pengurusan kelas murid PAV adalah seperti berikut:

6.4.1. Pengambilan murid di dalam setiap kelas adalah seramai 20 orang murid.

6.4.2. Bagi mata pelajaran bidang bahasa, kemanusiaan, sains dan matematik, **kelas PAV tidak boleh digabungkan dengan kelas lain dalam aliran perdana kerana kurikulum yang berbeza.**

6.4.3. Pentadbir sekolah boleh melantik mana-mana guru PAV sebagai guru kelas untuk menguruskan pentadbiran kelas PAV.

6.4.4. Kaunselor bertanggungjawab memantau dan menganalisis perkembangan murid dan memberi maklumbalas kepada guru PAV.

6.4.5. Guru yang mengajar Kemahiran Hidup Bersepadu dan Guru MPV sedia ada boleh diberi pertimbangan untuk mengajar modul Pra Vokasional Tingkatan 1. Namun begitu, guru yang mempunyai SKM juga boleh dipertimbangkan untuk mengajar modul Pra Vokasional.

7. PERANAN AGENSI BERKAITAN

Berikut adalah peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan program berkenaan:

7.1. Agensi Pusat KPM

7.1.1 Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)

a. Menjadi Agensi Utama (*Lead Agency*) kepada bahagian lain KPM untuk menyelaraskan hal-hal penting serta melaporkan kepada pihak atasan.

b. Mengedarkan surat dan memo siaran berkaitan pelaksanaan PAV.

c. Membekalkan guru, melaksanakan kursus orientasi kurikulum dan latihan kepada guru yang mengajar mata pelajaran akademik dan vokasional bagi kelas PAV

d. Membekal, melatih dan meningkatkan kompetensi Pembantu Am N17 bagi modul vokasional PAV (*rujuk surat siaran KP(PPK)018/9Jld.39(47) bertarikh 8 November 2002*)

e. Menyebarluas maklumat kepada semua pihak berkepentingan (*stake holders*)di KPM melalui taklimat pelaksanaan.

f. Melaksanakan jerayawara "*out reach*" kepada masyarakat umum

g. Menyediakan prasarana dan peralatan bengkel/makmal di sekolah mengikut keperluan kurikulum.

h. Memantau, menilai dan menyediakan laporan mengenai pelaksanaan PAV.

i. Bertanggungjawab mengeluarkan surat siaran yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia kepada Pengarah JPN berkaitan pelaksanaan PAV.

j. Menyediakan peruntukan PCG (Peruntukan Geran Perkapita) merangkumi mata pelajaran vokasional dan akademik bagi kelas PAV

k. Mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Jabatan Pendidikan Negeri berkaitan perluasan kelas PAV, guru, murid, pembantu am N17, bengkel, peralatan dan PCG sekurang-kurangnya 4 kali setahun

7.1.2 Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)

a. Membangun dan menyebarluaskan dokumen standard kurikulum kepada semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan kurikulum vokasional dan akademik PAV.

b. Membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran (PdP).

c. Melatih Jurulatih Utama Kurikulum vokasional dan akademik PAV (JUK), melaksanakan kursus orientasi kurikulum serta modul PdP kepada pentadbir dan guruPAV.

d. Memantau, menilai dan menyediakan laporan kurikulum merangkumi tujuan/objektif, latar belakang, dapatan, kesimpulan, cadangan dan tindakan.

e. Memurnikan dokumen standard kurikulum mengikut keputusan atau arahan pihak pengurusan KPM.

f. Menguruskan penerbitan dokumen standard kurikulum PAV.

g. Mengadakan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan kurikulum bersama Jabatan Pendidikan Negeri sekurang-kurangnya 4 kali setahun

7.1.3 Lembaga Peperiksaan (LP)

a. Membangun dan menyebarluaskan dokumen berkaitan pentaksiran untuk kegunaan guru dan murid PAV.

b. Menjalankan sesi kursus/bengkel/mesyuarat untuk memaklumkan pengurusan pentaksiran PAV kepada pentadbir dan guru.

c. Mengadakan mesyuarat penyelarasan pentaksiran bersama Jabatan Pendidikan Negeri sekurang-kurangnya 2 kali setahun

7.1.4 Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

a. Mengkaji dasar pelaksanaan PAV dari semasa ke semasa

b. Melapor dan mencadangkan penambaikkan dasar pelakasanaan PAV kepada bahagian lain dalam KPM.

7.1.5 Bahagian Sumber Manusia (BSM)

a. Meluluskan norma perjawatan guru PAV

b. Meluluskan norma perjawatan Pembantu Am (PAV)

7.1.6 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

a. Menempatkan guru kepada sekolah yang menawarkan PAV mengikut norma perjawatan guru vokasional.

b. Menyediakan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) perjawatan guru PAV

7.1.7 Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

a. Mesyuarat penyelarasan bersama Jabatan Pendidikan Negeri berkaitan perancangan, keperluan dan pengurusan latihan guru-guru PAV sekurang-kurangnya 3 kali setahun

b. Melatih guru PAV untuk mendapatkan persijilan yang bersesuaian.

c. Melatih guru PAV untuk peningkatan kemahiran yang bersesuaian

d. Menyelaras latihan dalam perkhidmatan guru PAV

7.1.8 Bahagian Lain KPM

a. Memberi maklumbalas pelaksanaan PAV kepada semua bahagian KPM yang terlibat dengan PAV

b. Menilai dan memantau pelaksanaan PAV

7.2 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

7.2.1 Menyediakan pegawai meja di Sektor Pengurusan Sekolah yang menguruskan enrolmen guru dan murid PAV

7.2.2 Menyediakan pegawai meja di Sektor Pengurusan Akademik yang merancang, menyelaras dan menyelia pelaksanaan dan pengurusan kurikulum PAV.

7.2.3 Menyebarluaskan surat siaran berkaitan pelaksanaan PAV kepada sekolah dan pihak yang berkaitan

7.2.4 Menilai dan memantau pelaksanaan PAV menggunakan instrumen yang sesuai.

7.2.5 Pegawai Meja PAV di PPD melaksanakan pemantauan, menyediakan laporan dapatan penilaian serta mengambil tindakan susulan dengan kadar sesuai.

7.2.6 Memberi maklumbalas pelaksanaan PAV kepada semua bahagian KPM yang terlibat dengan PAV.

7.3 Sekolah

7.3.1 Pengetua

a. Memastikan PAV dilaksanakan di sekolah berdasarkan pekeliling dan surat siaran yang sedang berkuatkuasa.

b. Memastikan peruntukan PCG dipohon mengikut kadar yang ditentukan.

c. Mempromosikan PAV melalui taklimat kepada ibu bapa/penjaga, murid dan masyarakat.

d. Memastikan prasarana untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran berfungsi

e. Memantau aktiviti pengajaran guru, pembelajaran murid, pelaksanaan modul dan pentaksiran PAV.

f. Menyediakan jadual waktu persekolahan untuk pelaksanaan PAV

g. Menentukan tugas Pembantu Am (PAV) membantu di bengkel/makmal/ladang bagi membantu guru melaksanakan tugas bukan pengajaran.

h. Menyediakan laporan dapatan penilaian dan pemantauan serta mengambil tindakan susulan dengan kadar sesuai.

i. Memberi maklumbalas pelaksanaan PAV kepada PPD/JPN/KPM.

j. Mendaftarkan sekolah sebagai pusat bertauliah SKM

k. Mempunyai kelayakan sebagai pengurus pusat bertauliah

l. Memastikan guru berkelayakan sebagai tenaga pengajar SKM

7.3.2 Guru

a. Memastikan menerima dokumen standard kurikulum dan modul berkaitan PAV.
b. Menyampaikan pengajaran berdasarkan kandungan dokumen standard kurikulum.
c. Melaksanakan pentaksiran berdasarkan kandungan dokumen pentaksiran.
d. Mendokumentasikan dokumen pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran PAV dan menyimpandi tempat yang selamat.
e. Menghadiri kursus/bengkel/mesyuarat yang dianjurkan oleh mana-mana bahagian KPM/JPN/PPD dari semasa ke semasa.
f. Melengkapkan dokumen dan fail-fail yang berkaitan dengan pelaksanaan PAV.
g. Menyediakan dan mempamerkan jadual pelaksanaan modul PAV
h. Memastikan peralatan berfungsi serta boleh digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran.
i. Menghadiri kursus kelayakan sebagai pengajar SKM bertauliah.
j. Memastikan verifikasi inventori peralatan dan bahan di bengkel/makmal/ladang dilaksanakan oleh pembantu guru PAV

7.3.3 Pembantu guru PAV di bengkel

a. Mengurus peralatan, bahan, kebersihan, keceriaan dan mengawasi keselamatan di bengkel/makmal (amalan 5S)
b. Menyusunatur peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
c. Menyediakan bahan dan peralatan sebelum pengajaran dan pembelajaran.
d. Melaksanakan verifikasi inventori peralatan dan bahan di bengkel/makmal/ladang.
e. Membantu guru bagi memastikan bengkel kondusif dan selamat digunakan.
f. Menjalankan kerja penyelenggaraan peralatan secara berkala.
g. Memastikan langkah-langkah keselamatan dipatuhi.
h. Menghadiri latihan disediakan KPM supaya mempunyai kemahiran untuk berkhidmat di sekolah yang menawarkan PAV.
i. Melaksanakan tugas yang di arahkan dari semasa ke semasa berkaitan pengurusan bengkel/makmal/ladang PAV.

Lampiran A

DAPATAN KAJIAN

PERATUS PERSAMAAN KANDUNGAN HSP MPV BERBANDING *DUTY* DAN *TASK* NOSS

BIL.	MATA PELAJARAN MPV	PERATUS PERSAMAAN MPV - NOSS TAHAP 1/2	NOSS
1.	Rekaan dan Jahitan Pakaian	100%	K-012-1 Pembuat Pakaian Wanita
2.	Menservis Motosikal	96%	P-118-1 Juruteknik Motosikal
3.	Membuat Perabot	87%	RB-050-1 Pembuat Perabot
4.	Tanaman Makanan	81%	Y-050-1 Pekerja Ladang Pertanian
5.	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi	81%	AF-030-2 Juruteknik Rendah Akuakultur
6.	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyaman Udara	76%	C-010-1 Mekanik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara-Domestik
7.	Produksi Multimedia	68%	D-090-2 Artis Multimedia – Video, D-100-2 Artis Multimedia – Audio, IT-040-2 Artis Multimedia – Animator, IT-050-2 Artis Multimedia – Visual
8.	Katering dan Penyajian	67%	HT-010-1 Pramusaji, L-041-1 Pembantu Penyedia Makanan
9.	Pendawaian Domestik	58%	C-051-1 Juruteknik Elektrik Rendah
10.	Hiasan Dalaman Asas	58%	ID-040-1 Pereka Dalaman Rendah
11.	Menservis Automobil	58%	P-119-1 Juruteknik Automotif
12.	Pemprosesan Makanan	53%	Y-040-1 Operator Pengeluaran Pemprosesan Makanan
13.	Penjagaan Muka Dan Dandanan Rambut	49%	N-011-1 Jurukecantikan
14.	Kimpalan Arka dan Gas	43%	H-024-1 Jurukimpal Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon)
15.	Kerja Paip Domestik	37%	B-020-1,Jurukerja Paip
16.	Pembinaan Domestik	32%	B-010-1 Jurubina Bangunan
17.	Landskap dan Nurseri	29%	LE-010-1 Landscape Attendant
18.	Menservis Peralatan Elektrik Domestik	10%	EE-010-1 Electronic Audio Visual Junior Technician
19.	Asuhan Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Tiada kajian pemetaan	Tidak Berkenaan
20.	Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik	Tiada kajian pemetaan	Tidak Berkenaan
21.	Grafik Berkomputer	Tiada kajian pemetaan	Tidak Berkenaan
22.	Seni Reka Tanda	Tiada kajian pemetaan	Tidak Berkenaan

SENARAI SEKOLAH RINTIS PAV TAHUN 2012

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV	MPV
PERLIS				
1.	REA 0078	SMK Arau, Arau	Membuat Pakaian	Rekaan dan Jahitan Pakaian
KEDAH				
2.	KEA 2182	SMK Simpang Kuala, 05400 Alor Setar	Pembuatan Perabot	Membuat Perabot
PULAU PINANG				
3.	PEE 1101	SMK Datuk Haji Mohd Nor Ahmad, 11700 Gelugor	Motosikal	Menservis Motosikal
PERAK				
4.	AEA 0035	SMK Trolak Selatan, Trolak	Automotif	Menservis Automobil
SELANGOR				
5.	BEA 9601	SMK Sungai Rawang, Sepang	Tanaman	Tanaman Makanan
NEGERI SEMBILAN				
6.	NEA 3035	SMK Dato' Sedia Raja 71350 Rembau	Penyejubekuan dan Penyamanan Udara	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyaman Udara
MELAKA				
7.	MEB 0077	SMK Seri Pengkalan Alor Gajah	Membuat Pakaian	Rekaan dan Jahitan Pakaian
JOHOR				
8.	JEE 0034	SMK Datok Menteri, Batu Pahat	Pembuatan Perabot	Membuat Perabot
PAHANG				
9.	CEA 4071	SMK Bukit Goh, 26050 Kuantan	Penyediaan Makanan	Katering dan Penyajian
TERENGGANU				
10.	TEA 6082	SMK Saujana, 22110 Setiu	Akuakultur	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi
KELANTAN				
11.	DEA 1141	SMK Kubang Kerian 2, Kota Bharu	Penyediaan Makanan	Katering dan Penyajian
SARAWAK				
12.	YEE 7201	SMK Belaga, 96900 Belaga	Pendawaian Elektrik	Pendawaian Domestik
SABAH				
13.	XEA 6065	SMK Beaufort, Peti Surat 291, 89808 Beaufort	Penyediaan Makanan	Katering dan Penyajian
WP KUALA LUMPUR				
14.	WEA 0232	SMK Setiawangsa, WP Kuala Lumpur	Dekorasi Dalaman	Hiasan Dalaman Asas
WP LABUAN				
15.	WEA 1003	SMK Taman Perumahan Bedaun, 87028 WP Labuan	Visual dan Animasi	Produksi Multimedia

SENARAI 50 SEKOLAH PAV PELAKSANAAN PENUH 2013

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV
PERLIS			
1.	REA0076	SMK Kuala Perlis 02000 Kuala Perlis, Perlis	Penyediaan Makanan
KEDAH			
2.	KEA0069	SMK Syed Abu Bakar, 09200 Kupang , Kedah	Pendawaian Elektrik
3.	KEA3106	SMK Sungai Pasir, Jalan Batu Lintang ,Sungai Pasir, 08000 Sungai Petani	Membuat Pakaian
4.	KEA5025	SMK Datuk Lela Pahlawan, 09400 P. Serai	Automotif
5.	KEE4038	SMK Seri Mahawangsa, 06000 Jitra	Pembuatan Perabot
PULAU PINANG			
6.	PEA3034	SMK Seri Balik Pulau, 11020 Balik Pulau, Pulau Pinang	Penyediaan Makanan
7.	PEA4005	SMK Jawi 14200 Sungai Jawi Seberang Perai Selatan, Seberang Prai, Pulau Pinang	Membuat Pakaian
8.	PEA2058	SMK Paya Keladi 13200 Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang	Penyediaan Makanan
PERAK			
9.	AEE0037	SMK Dato Panglima Perang Kiri, Jalan Tapah Road, 35400 Tapah Road, Perak	Pendawaian Elektrik
10.	AEA2048	SMK Kg. Datuk Ahmad Said, 30030 Ipoh, Perak	Automotif
11.	AEA7003	SMK Sultan Azlan Shah, 33400 Lenggong	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara
12.	AEE3045	SMK Muzaffar Shah, 34400 Simpang Empat, Semanggol, Perak	Akuakultur
SELANGOR			
13.	BEA8613	SMK Taman Medan, Km 12 Jln. Klang Lama, 46000 P. Jaya	Penyediaan Makanan
14.	BEB3079	SMK Sultan Sulaiman Shah, 45600 Batang Berjuntai, Selangor	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara
15.	BEA4627	SMK Dusun Nanding, KM 17 Jalan Hulu Langat, 43100 Hulu langat, Selangor	Automotif

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV
16.	BEA0095	SMK Tengku Idris Shah, 42200 Kapar, Selangor	Pendawaian Elektrik
17.	BEA7612	SMK Seri Selayang, 61800 Batu Caves	Membuat Pakaian
NEGERI SEMBILAN			
18.	NEA4112	SMK Bukit Kepayang, 70300 Seremban	Pembuatan Perabot
19.	NEE1087	SMK Dato Abdul Samad, 71500 Tanjong Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	Membuat Pakaian
20.	NEE5038	SMK Tuanku Abd. Rahman, 73400 Gemas, Negeri Sembilan	Pendawaian Elektrik
21.	NEB3036	SMK Undang Rembau, 71309 Rembau	Tanaman
MELAKA			
22.	MEB1063	SMK Dato Bendahara, Jln Pegawai, 77000 Jasin, Melaka	Pendawaian Elektrik
23.	MEB0079	SMK Sultan Alauddin, Masjid Tanah, 78300 Melaka	Automotif
JOHOR			
24.	JEB2038	SMK Tengku Aris Bendahara, Batu 3, Jalan Mersing, 86000 Kluang.	Membuat Pakaian
25.	JEA3036	SMK Bandar Easter, Felda Bukit Easter, 81900 Kota Tinggi, Johor.	Pendawaian Elektrik
26.	JEA4038	SMK Anjung Batu, JKR MG/3/96 KM 2,Jln Jemaluang, 86800 Mersing	Penyediaan Makanan
27.	JEE1008	SMK Dato Abd Rahman Yassin, JKR 4418 Jln Pengangkutan, 81200 Johor Bahru	Penyediaan Makanan
PAHANG			
28.	CEA5078	SMK Lepar, Km. 43.5, Lebuhraya Tun Abdul Razak, 26300 Gambang, Pahang	Pendawaian Elektrik
29.	CEAA061	SMK Bera , 28300 Triang, Bera, Pahang	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara
30.	CEA8030	SMK Pontian Jaya , 26800 Kuala Rompin, Pahang	Membuat Pakaian
31.	CEA4089	SMK Sg. Soi, Jalan Pantai Sepat, 25150 Kuantan	Pembuatan Perabot

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV
TERENGGANU			
32.	TEA0071	SMK Pelagat, 22000 Jerteh, Besut, Terengganu.	Penyediaan Makanan
33.	TEA3112	SMK Sultan Ahmad, 21000 Kuala Terengganu	Pembuatan Perabot
34.	TEA4011	SMK Merchang, 21610 Marang, Terengganu	Automotif
35.	TEA6080	SMK Sungai Tong, 21500 Setiu, Terengganu	Automotif
36.	TEA1035	SMK Jerangau, 23200 Dungun	Tanaman
KELANTAN			
37.	DEA2187	SMK Pangkal Meleret , 18500 Machang	Membuat Pakaian
38.	DEA1138	SMK Dewan Beta, 15100 Kota Bahru, Kelantan	Tanaman
39.	DEA4287	SMK Tok Janggut, 16800 Pasir Puteh, Kelantan	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara
40.	DEE7409	SMK Sultan Yahya Petra 1, 18000 Kuala Krai. Kelantan	Penyediaan Makanan
SARAWAK			
41.	YEA1309	SMK Semerah Padi, Petra Jaya, 93050 Kuching.	Penyediaan Makanan
42.	YEE 2102	SMK Melugu P.S. 228, 95000 Sri Aman	Tanaman
43.	YEE 4101	SMK Lutong, 98100 Lutong, Miri	Membuat Pakaian
44.	YEE 6301	SMK Meradong, Jalan Kanowit, Julau Durin, 96509 Bintagor, Sarawak	Pembuatan Perabot
SABAH			
45.	XEA3106	SMK Segama (Agaseh II), Km13, Jln. Sandakan-Lahad Datu, P.S. 61400, 91122 Lahad Datu, Sabah	Membuat Pakaian
46.	XEA3053	SMK Balung, P.S. 60070, 91010 Tawau, Sabah	Tanaman
47.	XEA6315	SMK Kuala Penyu, P.S. 29, 89747 Kuala Penyu, Sabah	Pendawaian Elektrik
48.	XEA3201	SMK Kunak Jaya, P.S. 124, 91207 Kunak, Sabah	Akuakultur

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV
WP KUALA LUMPUR			
49.	WEA0224	SMK Taman Melati, Taman Melati, Setapak, 53100 Kuala Lumpur	Pendawaian Elektrik
WP LABUAN			
50.	WEA1004	SMK Pantai, Peti Surat 81755, 87007 WP Labuan	Penyediaan Makanan

SENARAI 3 SEKOLAH MODEL KOMPREHENSIF 9 (K9) PAV PELAKSANAAN PENUH 2013

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV
PERAK			
1.	ABA7037	SK RPS Banun, Peti Surat No. 19, Pejabat Pos Gerik, 33300 Gerik, Perak	Julai 2013 : Tanaman Januari 2013 : Penyediaan Makanan
2.	ABA7036	SK Pos Kemar, Peti Surat No. 27, Pejabat Pos Gerik, 33300 Gerik, Perak	Penyediaan Makanan
PAHANG			
1.	CBA3059	SK RPS Betau , 27200 Kuala Lipis, Pahang	Penyediaan Makanan

SENARAI 1 SEKOLAH MODEL KOMPREHENSIF 9 (K9) PAV PELAKSANAAN PENUH 2014

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV
SELANGOR			
1.	BBA0020	SK (Asli) Bukit Kemandol, Batu 7 ½, Jalan Kebun, Klang, Selangor	Membuat Pakaian

Lampiran F

SENARAI 16 SEKOLAH PAV **PELAKSANAAN PENUH** 2014

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV
PERLIS			
1	REE0062	SMK Syed Sirajuddin, Arau.	Pendawaian Elektrik
KEDAH			
2.	KEA6015	SMK Tunku Putra, Padang Mat Sirat.	Penyediaan Makanan
3.	KEAA181	SMK Syed Ibrahim, Pendang	Penyediaan Makanan
PERAK			
4.	AEA0041	SMK Tapah, Tapah.	Seni Kecantikan
5.	AEB4072	SMK Raja Muda Musa, Teluk Intan.	Membuat Pakaian
6.	AEA4086	SMK Simpang Beluru, Enggor.	Tanaman
SELANGOR			
7.	BEA1064	SMK Jenjarom, Jenjarom.	Tanaman
8.	BEB8657	SMK Sultan Abd.Samad, Petaling Jaya	Seni Kecantikan
NEGERI SEMBILAN			
9.	NEB4095	SMK Tunku Ampuan Najihah, Seremban.	Seni Kecantikan
10.	NEB0026	SMK Undang Jelebu, Kuala Klawang.	Tanaman
11.	NEA3036	SMK Dato' Undang Hj. Adnan, Rembau. (Tiada pengambilan dan diganti SMK Dato' Klana Putra, Lenggeng, Seremban mulai 2016)	Membuat Pakaian
JOHOR			
12.	JEA8007	SMK Taman Putri, Kulai.	Seni Kecantikan
PAHANG			
13.	CEA4082	SMK Gudang Rasau, Kuantan.	Penyediaan Makanan
14.	CEA0059	SMK Karak, Karak.	Seni Kecantikan
TERENGGANU			
15.	TEA3116	SMK Kompleks Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.	Tanaman
KELANTAN			
16.	DEA1124	SMK Kadok, Kota Bharu.	Penyediaan Makanan

SENARAI SEKOLAH PAV **PELAKSANAAN PENUH** 2016

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV
NEGERI SEMBILAN			
1.	NEE4098	SMK Dato' Klana Putra, Bt 14, Jalan Besar Lenggeng, 71750 Seremban	Membuat Pakaian

ANALISIS PENAWARAN KURSUS PAV PELAKSANAAN 2012-2015

BIL.	KURSUS PAV	BILANGAN SEKOLAH									
		2012 (Rintis)	2013 (Perluasan)		2014 (Perluasan)		2015 (Tiada Perluasan)		2016 (Gantian)	JUMLAH	
		SMK	SMK	SK K9	SMK	SK K9	SMK	SK K9	SMK	SMK	SK K9
1.	Penyediaan Makanan	3	10	2	4					17	2
2.	Membuat Pakaian	2	9		1	1			1	13	1
3.	Seni Kecantikan				5					5	
4.	Visual dan Animasi	1								1	
5.	Pembuatan Perabot	2	5							7	
6.	Dekorasi Dalaman	1								1	
7.	Automotif	1	6							7	
8.	Motosikal	1								1	
9.	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	1	4							5	
10.	Pendawaian Elektrik	1	9		1					11	
11.	Akuakultur	1	2							3	
12.	Tanaman	1	5	1	4					10	1
	JUMLAH	**15**	**50**	**3**	**15**	**1**			**1**	**81**	**4**

Lampiran K

ANALISIS PENGANUGERAHAN PERSIJILAN KEMAHIRAN SEKOLAH RINTIS PAV TAHUN 2012

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV	BILANGAN MURID		
				SKM 1	SKM 2	TIDAK LAYAK SKM
PERLIS						
1.	REA 0078	SMK Arau, Arau	Membuat Pakaian	19	3	1
KEDAH						
2.	KEA 2182	SMK Simpang Kuala, 05400 Alor Setar	Pembuatan Perabot	12	5	2
PULAU PINANG						
3.	PEE 1101	SMK Datuk Haji Mohd Nor Ahmad, 11700 Gelugor	Motosikal	23	0	0
PERAK						
4.	AEA 0035	SMK Trolak Selatan, Trolak	Automotif	0	29	0
SELANGOR						
5.	BEA 9601	SMK Sungai Rawang, Sepang	Tanaman	3	23	0
NEGERI SEMBILAN						
6.	NEA 3035	SMK Dato' Sedia Raja 71350 Rembau	Penyejubekuan dan Penyamanan Udara	0	0	14
MELAKA						
7.	MEB 0077	SMK Seri Pengkalan Alor Gajah	Membuat Pakaian	12	10	0
JOHOR						
8.	JEE 0034	SMK Datok Menteri, Batu Pahat	Pembuatan Perabot	23	0	3
PAHANG						
9.	CEA 4071	SMK Bukit Goh, 26050 Kuantan	Penyediaan Makanan	0	24	0
TERENGGANU						
10.	TEA 6082	SMK Saujana, 22110 Setiu	Akuakultur	1	23	0
KELANTAN						
11.	DEA 1141	SMK Kubang Kerian 2, Kota Bharu	Penyediaan Makanan	9	18	0
SARAWAK						
12.	YEE 7201	SMK Belaga, 96900 Belaga	Pendawaian Elektrik	0	14	0
SABAH						
13.	XEA 6065	SMK Beaufort, Peti Surat 291, 89808 Beaufort	Penyediaan Makanan	1	24	0
WP KUALA LUMPUR						
14.	WEA 0232	SMK Setiawangsa, WP Kuala Lumpur	Dekorasi Dalaman	12	16	0
WP LABUAN						
15.	WEA 1003	SMK Taman Perumahan Bedaun, 87028 WP Labuan	Visual dan Animasi	0	13	6

Lampiran L

ANALISIS LALUAN MURID KE ILKA/S SEKOLAH RINTIS PAV TAHUN 2012

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV	LALUAN PEMBELAJARAN TAHUN 2015				
				Bil. Murid	Mod Pembelajaran	Institusi	Program	Persijilan
PERLIS								
1.	REA 0078	SMK Arau, Arau	Membuat Pakaian	10	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
				3	Perantisan	KV SP1	Operasi Sistem Komputer	Sijil Kemahiran Malaysia
				9	Perantisan	KV SP1	Perkhidmatan Rangkaian Komputer	Sijil Kemahiran Malaysia
KEDAH								
2.	KEA 2182	SMK Simpang Kuala, 05400 Alor Setar	Pembuatan Perabot	14	Sepenuh Masa	KV Batu Pahat	Timber Processing	Sijil Kemahiran Malaysia
				5	Perantisan	KV Butterworth	Pendawaian Elektrik	Sijil Kemahiran Malaysia
PULAU PINANG								
3.	PEE 1101	SMK Datuk Haji Mohd Nor Ahmad, 11700 Gelugor	Motosikal	16	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
				2	Sepenuh Masa	KV Kajang	Mekanik Kenderaan Motor	Sijil Kemahiran Mara
				1	Perantisan	KV SP1	Perkhidmatan Rangkaian Komputer	Sijil Kemahiran Malaysia
PERAK								
4.	AEA 0035	SMK Trolak Selatan, Trolak	Automotif	18	Sepenuh Masa	KV Kajang	Mekanik Kenderaan Motor	Sijil Kemahiran Malaysia
				5	Perantisan	KV Butterworth	Pendawaian Elektrik	Sijil Kemahiran Malaysia
				5	Perantisan	KV Temerloh	Operasi Pembuatan Perabot	Sijil Kemahiran Malaysia
				1	Perantisan	KV Muar	Pemesinan Industri	Sijil Kemahiran Malaysia
SELANGOR								
5.	BEA 9601	SMK Sungai Rawang, Sepang	Tanaman	4	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
				13	Sepenuh Masa	KV Kajang	Mekanik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	Sijil Kemahiran Malaysia
				2	Perantisan	KV SP1	Operasi Sistem Komputer	Sijil Kemahiran Malaysia
				4	Perantisan	KV Muar	Pemesinan Industri	Sijil Kemahiran Malaysia

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV	LALUAN PEMBELAJARAN TAHUN 2015				
				Bil. Murid	Mod Pembelajaran	Institusi	Program	Persijilan
NEGERI SEMBILAN								
6.	NEA 3035	SMK Dato' Sedia Raja 71350 Rembau	Penyejubekuan dan Penyamanan Udara	11	Perantisan	KV Muar	Mekanik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	Sijil Kemahiran Malaysia
				3	Sepenuh Masa	KV Kajang	Mekanik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	Sijil Kemahiran Malaysia
MELAKA								
7.	MEB 0077	SMK Seri Pengkalan Alor Gajah	Membuat Pakaian	19	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
				5	Perantisan	KV Muar	Kimpalan	Sijil Kemahiran Malaysia
JOHOR								
8.	JEE 0034	SMK Datok Menteri, Batu Pahat	Pembuatan Perabot	4	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
				3	Sepenuh Masa	KV Batu Pahat	Timber Processing	Sijil Kemahiran Malaysia
				20	Perantisan	KV Muar	Operasi Pembuatan Perabot	Sijil Kemahiran Malaysia
PAHANG								
9.	CEA 4071	SMK Bukit Goh, 26050 Kuantan	Penyediaan Makanan	19	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
				5	Perantisan	KV Temerloh	Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik 1 Fasa	Sijil Kemahiran Malaysia
TERENGGANU								
10.	TEA 6082	SMK Saujana, 22110 Setiu	Akuakultur	23	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
KELANTAN								
11.	DEA 1141	SMK Kubang Kerian 2, Kota Bharu	Penyediaan Makanan	8	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
				10	Sepenuh Masa	KV Tanah Merah	Seni Kulinari	Sijil Kemahiran Malaysia
				9	Sepenuh Masa	KV Tanah Merah	Fesyen dan Membuat Pakaian	Sijil Kemahiran Malaysia
SARAWAK								
12.	YEE 7201	SMK Belaga, 96900 Belaga	Pendawaian Elektrik	5	Perantisan	Giatmara Sibu	Pendawaian Elektrik	Sijil Kemahiran Mara
				4	Perantisan	Giatmara Miri	Kimpalan dan Fabrikasi Logam	Sijil Kemahiran Mara
				5	Perantisan	Giatmara Bintulu	Baikpulih dan Mengecat Kenderaan	Sijil Kemahiran Mara

BIL	KOD SEK	NEGERI DAN ALAMAT SEKOLAH	KURSUS PAV	LALUAN PEMBELAJARAN TAHUN 2015				
				Bil. Murid	Mod Pembelajaran	Institusi	Program	Persijilan
				16	Sepenuh Masa	KV Sibu	Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik 1 Fasa	Sijil Kemahiran Malaysia
SABAH								
13.	XEA 6065	SMK Beaufort, Peti Surat 291, 89808 Beaufort	Penyediaan Makanan	26	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
WP KUALA LUMPUR								
14.	WEA 0232	SMK Setiawangsa, WP Kuala Lumpur	Dekorasi Dalaman	13	Perantisan	KV SP1	Operasi Sistem Komputer	Sijil Kemahiran Malaysia
				9	Perantisan	KV SP1	Perkhidmatan Rangkaian Komputer	Sijil Kemahiran Malaysia
				8	Sepenuh Masa	KV Setapak	Mekanik Kenderaan Motor	Sijil Kemahiran Malaysia
WP LABUAN								
15.	WEA 1003	SMK Taman Perumahan Bedaun, 87028 WP Labuan	Visual dan Animasi	15	Perantisan	Giatmara		Sijil Kemahiran Mara
				2	Perantisan	Giatmara	Pendawaian Elektrik	Sijil Kemahiran Mara